

Bausch & Lomb Sensitive Eyes Daily Cleaner/Pembersih Harian Bausch & Lomb Sensitive Eyes

KANDUNGAN: Pembersih Harian Bausch & Lomb Sensitive Eyes ialah larutan steril, isotonik dan tertimbang yang mengandungi hidroksipropil metilselulosa, poloksamina, natrium borat dan natrium klorida; diawet dengan edetat dinatrium (0.5%) dan asid sorbik (0.25%).

TINDAKAN: Menanggalkan dan menyingkirkan selaput, mendapan dan kotoran yang terkumpul pada kanta lekap anda.

INDIKASI (Kegunaan): Pembersih Harian Bausch & Lomb Sensitive Eyes disediakan untuk digunakan dalam pembersihan kanta lekap lembut, bersama-sama dengan regimen disinfeksi termal (haba), kimia (bukan haba) dan hidrogen peroksida.

Pembersih ini boleh digunakan untuk kanta lekap yang dipakai secara berpanjangan, kanta lekap lembut yang boleh dibersihkan setiap hari atau seperti yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

KONTRAINDIKASI (Sebab tidak boleh menggunakannya): Jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam Pembersih Harian Bausch & Lomb Sensitive Eyes, jangan gunakan produk ini.

AMARAN:

- JANGAN CAMPURKAN DENGAN CECAIR LAIN MELAINKAN SEPERTI YANG DIARAHKAN OLEH PENGAMAL PENJAGAAN MATA ANDA.
 - Jangan gunakan produk serentak dengan apa-apa ubat mata melainkan atas nasihat perubatan.
 - Jauhkan produk daripada kanak-kanak.
 - Jangan guna semula larutan.
 - Gunakan larutan sebelum tarikh luput yang ditandakan pada kotak dan botol.
 - Tatacara penjagaan kanta lekap yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda mestilah dipatuhi.
- Kegagalan mematuhi tatacara ini boleh menyebabkan berlakunya komplikasi mata.
- Jangan gunakan secara terus pada mata.

LANGKAH BERJAGA-JAGA:

- Jika kerengsaan berterusan, hentikan penggunaan produk dan dapatkan nasihat pengamal penjagaan mata anda.
- Untuk mengelakkan pencemaran, jangan sentuh hujung bekas dengan mana-mana permukaan. Tutup semula botol selepas digunakan.
- Simpan di bawah suhu bilik.
- Kanta lekap hendaklah dibersihkan dan didisinfeksikan sebelum memakainya.

ARAHAN:

- Selepas menanggalkan kanta lekap, letakkannya di atas tapak tangan anda dan letakkan tiga titis **Pembersih Harian Bausch & Lomb Sensitive Eyes** pada setiap permukaan kanta lekap.

- Gosok kanta lekap selama 20 saat di atas tapak tangan dengan jari telunjuk tangan sebelah lagi, atau dengan ibu jari dan jari telunjuk. Pastikan kedua-dua belah kanta lekap dibersihkan.
- Bilas kanta lekap sebersih-bersihnya dengan memegang kanta lekap di bawah aliran Larutan Bergaram **Bausch & Lomb Sensitive Eyes** selama kira-kira 10 saat.
- Disinfeksikannya menggunakan tatacara yang disyorkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

CATATAN: Produk ini bukan untuk menghilangkan mendapan protein. Gunakan tablet pembersihan berenzim, seperti Pembersih Berenzim **Bausch & Lomb Sensitive Eyes**, seperti yang diarahkan oleh pengamal penjagaan mata anda.

®/™ ialah tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Incorporated

Dikilangkan oleh:

Bausch & Lomb

8507 Pelham Road, Greenville,

SC. 29615-9598 USA.